

## BAB IV

### MALAYSIA DALAM TUGAS PENGAMAN DI NAMIBIA (1989 – 1990)

"...Although the 50 years-old Charter of the UN begins with the words "We the peoples of the United Nations...", this is, arguably, the first time that we meet at this level to discuss the common people and their problems; their social development. That it has taken us 50 years to do this is a measure of our commitment to the lot of the common people and an illustration of the failure of multilateral efforts, derailed for over 5 decades by the ideological battles of the Cold War..."

Dato' Seri Dr Mahathir Mohamed<sup>65</sup>

#### Pengenalan.

Namibia yang pada asalnya dikenali sebagai Afrika Barat Daya mempunyai keluasan 824,269 km persegi dan mempunyai bilangan penduduk seramai 1.4 juta orang. Pada tahun 1884, Negara Jerman telah meluaskan tanah jajahanya dan menguasai Afrika Barat Daya sehingga Peperangan Dunia Pertama tamat apabila kalahnya tentera Jerman pada Julai 1915. Namibia telah di letak dalam Amanah Pertubuhan Liga Bangsa-Bangsa dimana Afrika Selatan telah diberi mandat untuk mentadbir negara tersebut sehinggalah Perang Dunia kedua tamat. Selepas PBB ditubuhkan, negara tersebut diletakkan di bawah pengawasan pertubuhan tersebut apabila didapati Afrika Selatan mengamalkan dasar

---

<sup>65</sup> . Mahathir Mohamed, Address at UN World Summit For Social Development Copenhagen, Denmark, STRATEGI, Malaysian Armed Forces Defence College, Kuala Lumpur, Vol 4, Sept 199611 March 1995, hlm.59.

*apartheid*. Namun dalam proses perpindahan kuasa *South West Africa People's Organization* (SWAPO) telah menuntut kemerdekaan di Namibia. Campurtangan Kerajaan Afrika Selatan yang terdiri dari *South Africa Defence Force* (SADF) yang menguasai pemerintahan di bumi Namibia membuatkan SWAPO tidak berpuas hati dan melancarkan gerakan bersenjata bagi menuntut kemerdekaan. Ia disokong oleh Angola dan Tentera Cuba yang berada di Angola. Usaha PBB untuk mendamaikan keadaan di Namibia dapat dilihat dari tahun 1946 lagi. Pada tahun 1966, Namibia telah diletakkan di bawah pengawasan terus PBB dimana pada tahun 1978 persetujuan pertama telah dicapai oleh Majlis Keselamatan untuk memerdekakan Namibia. Namun usaha tersebut tidak berkesan dan ia menyebabkan negara tersebut terus bergolak sehingga pada 10 Ogos 1988, satu tindakan tegas telah diambil oleh Majlis Keselamatan PBB dengan meluluskan resolusi 435 (1978). Dalam resolusi itu, Afrika Selatan dibenarkan berada di Namibia dalam urusan pentadbiran pengurusan pilihara di bawah pengelolaan PBB. PBB akan melaksanakan pengawasan dan kawalan ke atas pilihanraya yang diadakan di Namibia di bawah *United Nations Transition Assistance Group* (UNTAG).<sup>66</sup>

Negara-negara dan puak-puak yang terlibat dalam kepentingan Namibia telah dipanggil ke meja rundingan untuk menyelesaikan masalah di Namibia. Pertemuan tersebut telah diadakan di Brazzaville, Congo. Dalam rundingan tersebut, semua pihak yang bertelagah bersetuju untuk menguatkuaskan resolusi Majlis Keselamatan 435 bermula pada 1 April 1989. Semasa rundingan tiga penjuru di antara PBB/Angola/Cuba pada 22 Disember 1988 di New York, Cuba telah bersetuju mengeluarkan tenteranya dari Angola. Sementara pada 23 Januari 1988, persetujuan telah dicapai diantara SWAPO dan

---

<sup>66</sup> . op.cit, "The Blue Helmets".

Afrika Selatan untuk mengadakan gencatan senjata yang berkuatkuasa pada 10 Ogos 1988. Bagi menentukan pilihanraya di Namibia diadakan dengan adil dan aman, *The United Nations Transition Assistance Group* (UNTAG) telah dipertanggungjawabkan. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah memanggil negara-negara ahli termasuk Malaysia untuk ditugaskan ke negara tersebut dalam membantu proses kemerdekaan Namibia.<sup>67</sup>

### Persiapan Kontinjen.

Selepas penugasan pasukan pengaman Malaya di Congo iaitu selepas hampir 30 tahun, barulah pasukan Pengaman Malaysia telah tidak digerakkan ke kawasan krisis di Namibia. Ia membuka semula lembaran baru Pasukan Pengaman Malaysia. Kelewatan dalam penugasan pasukan Pengaman Malaysia ini mungkin ekoran rasa tidak puas hati pentadbir di PBB dengan peristiwa di Kindu, Congo. Namun disebabkan suaranya di arena antarabangsa dan desakan Malaysia untuk bergiat aktif dalam pertubuhan tersebut, maka PBB telah bersetuju menawarkan Malaysia menyediakan kontinjen pasukan pengaman ke Namibia. Penugasan di Namibia merupakan penugasan yang kedua kontinjen Malaysia di bawah Panji-Panji PBB. Kontinjen Malaysia yang dikenali sebagai (MALCON) telah memulakan operasi pasukan pengaman pada 26 Februari 1989 dan ia tamat pada 20 April 1990.<sup>68</sup>

---

<sup>67</sup>. Ibid.

<sup>68</sup>. Temubual dengan Brigadier Jeneral (Bersara) Hidayat Shariff bin Abdul Ghaffur. Di kediamannya pada 13 November 2002.

Setelah menerima arahan dari Bahagian Operasi Markas ATM, Markas Tentera Darat telah melantik Kolonel Hidayat Shariff bin Abdul Ghaffur menyediakan kontinjen bagi penugasan tersebut. Batalion Ke-17 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) telah diamanahkan untuk melaksanakan mandat tersebut dan mereka telah mengadakan latihan rapi di beberapa tempat di Malaysia mengikut mandat yang telah di beri. Disamping itu, Kolonel Hidayat dan beberapa pegawai staf telah berpeluang meninjau kawasan penempatan mereka di Namibia sebelum membawa kontinjen tersebut di kawasan misi. Kesempatan ini membuatkan kontinjen pasukan pengaman lebih bersedia dan mendalami mandat, seluk beluk penugasan serta mengetahui adat resam serta ancaman yang mungkin dihadapi oleh mereka di kawasan medan.<sup>69</sup>

Bagi memantapkan pasukan pengaman ini, Kolonel Hidayat telah membahagikan kontinjen ini kepada tiga; iaitu kumpulan batalion, staf Markas UNTAG dan kumpulan pemerhati tentera. Kumpulan Batalion ke-17 RAMD atau kumpulan induk yang terdiri daripada 894 pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat, diketuai oleh Leftenan Kolonel Mislan Saiman yang kemudiannya digantikan oleh Leftenen Kolonel Abdul Ghaffir Abdul Hamid (kini menjadi Timbalan Panglima Tentera Darat). Batalion ini diperkuuhkan oleh satu kompeni dari Batalion Ke-21 RAMD. Batalion Malaysia (MALBAT) ditugaskan di kawasan penumpuan iaitu di utara Namibia di wilayah Ovamboland. Kontinjen Malaysia (MALCON) terdiri dari seramai 15 orang pegawai tentera diketuai sendiri oleh Kolonel Hidayat Shariff Abdul Ghaffur yang juga bertugas sebagai Ketua Staf Pasukan Pengaman PBB di Namibia dan ditempatkan di Windhoek.<sup>70</sup>

---

<sup>69</sup>. Ibid.  
<sup>70</sup>. Ibid.

Disamping itu seramai 25 orang pegawai pemerhatian tentera yang diketuai oleh Leftenen Kolonel Yunos Othman telah ditugaskan dalam kumpulan kecil di Oshakati, Ruacana, Ondangwa dan Oshiveiio bersama pemerhati tentera dari negara-negara lain. Tugas utama adalah untuk memerhati dan menyiasat penarikan keluar Pasukan Pertahanan Afrika Selatan (*South African Defence Force-SADF*).<sup>71</sup>

### **Perlaksanaan Tugas.**


Dalam melaksanakan tugas pengaman di Namibia, PBB telah melantik Leftenan Jeneral Prem Chand (India) sebagai pemerintah pasukan tentera pengaman PBB di Namibia. Hanya tiga batalion pasukan infantri telah dipertanggungjawabkan untuk mengawal dan melaksanakan tugas ini di Namibia iaitu pasukan pengaman dari Malaysia, Finland dan Kenya. Sementara pasukan dari Bangladesh, Togo, Venezuela dan Yugoslavia diletakkan sebagai simpanan dalam perintah tujuh hari untuk digerakkan kekawasan konflik apabila menerima arahan dari PBB. Di samping pasukan infantri, Malaysia juga telah menghantar kumpulan pemerhati yang ditugaskan untuk memerhatikan pembubaran Pasukan Wilayah Barat Daya Afrika (*South-West African Territorial Force-SWATF*) yang sebelum ini mempengaruhi hal-hal keselamatan dan pentadbiran di Namibia. Penempatan kontinjen Pengaman Malaysia di Namibia adalah di lokasi-lokasi berikut:<sup>72</sup>

1. Oshakati - Markas Batalion/Kompeni.

---

<sup>71</sup>. Ibid.  
<sup>72</sup>. Ibid.

## PETA 2. OPERASI PENGAMAN DI NAMIBIA



Sumber: Peta No. 3952.14 Departmen Perhubungan Awam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu September 1996 Dalam Buku The Blue Helmets.

2. Opuwa - Satu Kompeni.
3. Ruacana - Satu Kompeni.
4. Ondangwa - Dua Kompeni.
5. Eenhana - Satu Platuun.
6. NCongo - Satu Platuun.
7. Oshikango - Satu Platuun.
8. Ruacana (*Hurricane Camp*) - Satu Platuun.

Mandat yang diberikan kepada Kontinjen Pengaman Malaysia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah seperti berikut:<sup>73</sup>

1. Mengawasi kawasan sempadan dan menyekat penyusupan masuk tentera-tentera pemisah.
2. Mengada keselamatan bagi instalasi-instalasi penting di kawasan sempadan.
3. Melaksanakan rondaan yang menyeluruh di sektor-sektor yang ditetapkan.
4. Mengadakan pos-pos pemerhati, tempat-tempat memeriksa dan sekatan-sekatan jalan di kawasan-kawasan tertentu di sempadan.
5. Mengawasi pangkalan tentera *South African Defence Force* (SADF) dalam kawasan-kawasan yang ditetapkan.
6. Pengiring pergerakan logistik dalam kawasan-kawasan operasi.

---

<sup>73</sup>. Ibid.

7. Mengadakan pasukan simpanan batalion untuk menghadapi sebarang kemungkinan pencabulan gencatan senjata.

Pengalaman pahit yang dialami oleh kontinjen Pengaman Malaysia di Congo di peristiwa di Kindu, membuat kontinjen Pengaman Malaysia di Namibia lebih berhati-hati lagi, terutamanya apabila mendapat mandat yang begitu jelas. Ini memudahkan lagi penugasan kontinjen Pengaman Malaysia, apabila ketua Staf Pasukan Pengaman di Namibia yang merupakan jawatan penting dalam mengawal operasi dan pentadbiran telah dipegang oleh Kolonel Hidayat Shariff sendiri. Kewibawaan Kolonel Hidayat Shariff bukan sahaja disegani oleh pasukan Pengaman Malaysia, malah seluruh pasukan pengaman dari negara-negara lain di Namibia.

### **Masalah Dihadapi.**

Berbanding dengan masalah yang dihadapi oleh pasukan Pengaman Malaya di Congo, penugasan Pasukan Pengaman Malaysia dalam membantu pengurusan pilihara dan mengawal keselamatan rakyat tempatan di Namibia adalah kurang rumit. Ini kerana pertelagahan kaum (konflik peperangan saudara) tidak berlaku di Namibia, ia hanya melibatkan konflik antara rakyat tempatan dan tentera penjajah dari negara jiran. Masalah yang dihadapi oleh Namibia telah ditangani di meja rundingan di antara SWAPO dan SADF. Walaupun ada cubaan dari SADF untuk mengaggalkan pilihara tersebut dengan mengugut rakyat tempatan agar memulaukan pilihara tersebut, namun ianya dapat dibendung oleh Pasukan Pengaman PBB, khasnya pasukan Pengaman Malaysia.

Pasukan Pengaman Malaysia sentiasa sahaja mengawal keselamatan dan menguruskan penduduk tempatan untuk membuang undi dalam pilihanraya di negara tersebut.<sup>74</sup>

Campur tangan dari negara-negara asing juga telah ditangani oleh PBB dengan cara yang sama. Maka penugasan pasukan Pengaman Malaysia di Namibia merupakan penugasan yang lebih senang dan mandat yang diberikan oleh PBB juga lebih jelas dan terang. Namun masalah seperti bahasa penghantar dan keadaan bentuk muka bumi di Namibia sedikit sebanyak telah menganggu perlaksanaan tugas kontinjen pasukan Pengaman Malaysia. Walaubagaimana pun di sebabkan persiapan yang rapi sejak dari awal lagi dan jawatan Ketua Staf Pasukan Pengaman PBB di jawat oleh anak watan Malaysia, maka masalah ini telah dapat diatasi dengan lebih mudah. Masalah logistik sebagaimana yang dihadapi oleh pasukan pengaman Malaysia di Congo, tidak dihadapi oleh pasukan pengaman Malaysia di Namibia. Ini kerana penerbangan berjadual oleh C130 dari Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah diadakan sebulan sekali dalam menguruskan keperluan logistik. Kesediaan dan kebijaksanaan pasukan pengaman Malaysia dan pasukan pengaman PBB yang lain telah membantutkan usaha tersebut sehingga proses pilihanraya tersebut telah dapat berjalan dengan lancarnya. Sistem perhubungan dan kenderaan yang dimiliki oleh kontinjen Malaysia pada penugasan kali ini lebih baik dari penugasan di Congo, kerana kebanyakkan peralatan ATM adalah peralatan yang baru dan serba canggih.<sup>75</sup>

---

<sup>74</sup> Ibid.

<sup>75</sup> Ibid.

## **Kejayaan.**

Kejayaan penugasan pengaman di Namibia dibahagikan kepada beberapa aspek. Pertama, pihak-pihak yang mempunyai kepentingan telah dapat dibawa ke meja rundingan dengan mudah dengan tiada bantahan dan kekerasan. Hal ini dinyatakan oleh Dr. Duane T. Bratt dalam artikelnya bertajuk Preparing Peacekeeping for the 21<sup>st</sup> Century: Improving The UN Secretariat's Institutional Capibility:<sup>76</sup>

...in Namibia which had its key actors involved throughout the peacemaking process and onto the UNTAG, thus allowing them to acquire “a buildup of knowledge, a familiarity with key players, an understanding of bottom lines and the nuances of the mandate or peace agreement....

Isu yang membabitkan Namibia merupakan isu yang melibatkan antara negara dan isu ini telah dapat diselesaikan oleh PBB di peringkat awalnya. Kejayaan penyelesaian masalah dengan negara asing telah membuatkan penugasan pasukan Pengaman Malaysia menjadi lebih mudah. Mengikut Mark Malan:<sup>77</sup>

...second generation multifunctional operations have been associated with the end of proxy Cold War conflicts through negotiated settlements, in which the UN or other multinational organizations guided the adversaries to political settlements based on compromise (Namibia, Kampuchea, El Salvador, Mozambique and Angola)....

---

<sup>76</sup>. T. D. Bratt, “Preparing Peacekeeping For the 21<sup>st</sup> Century: Improving The UN Secretariat’s Institutional Capability”, Internet, <http://www.usafa.af.mil/wing/34edg/airman/bratt~1.htm>, 2004, hlm.3.

<sup>77</sup>. M. Malan, “Peacekeeping in the New Millennium:Towards’ Fourth Generation’ Peace Operation”. Institute for Security Studies, African Security Review, Pretoria, South Africa, Vol 7, No.3, 1998, hlm.3.

Dalam hal ini dapatlah ditafsirkan bahawa misi pengaman PBB di Namibia merupakan misi pengaman PBB yang paling berjaya dalam sejarah penugasan pengaman PBB. Kejayaan ini bukanlah satu perkara yang mudah diperolehi, kerana pada kebiasaannya, walaupun pihak atasan telah bersetuju untuk berdamai, pihak pemerintah bawahan dan anggota-anggota puak yang bertelagah masih enggan mematuhi keputusan yang telah dicapai di peringkat atasan sebagaimana yang terjadi dalam konflik di antara India/Pakistan dan Arab/Israel. Persetujuan oleh pemerintah puak bertelagah di kawasan medan ini dalam mematuhi keputusan yang dicapai di peringkat atasan telah memudahkan perlaksanaan tugas kontinjen-kontinjen pasukan pengaman dan mengurangkan kemalangan jiwa yang mungkin akan berlaku disebabkan sikap yang tidak bertanggungjawab dari sebilangan anggota puak yang bertelagah. Keadaan ini sering ditekankan oleh pengkaji-pengkaji konflik dan para akademik:<sup>78</sup>

...Since they are only lightly armed, peacekeepers cannot succeed unless the warring parties want to stop fighting. If they do not, there is little peacekeepers can do. If they stay in between the groups, they are likely to get killed...

Masa lebih kurang setahun lebih merupakan masa yang paling singkat dalam sejarah PBB yang telah diambil oleh pasukan pengamannya dalam menstabilkan dan mengembalikan keamanan di kawasan yang dilanda konflik. Selain kejayaan itu, PBB dapat mengurangkan kos perbelanjaannya. Ia hanya melibatkan kos perbelanjaan

<sup>78</sup>. Peacekeeping Namibia, "Peacekeeping", [Internet:<http://www.Colorado.edu/conflict/peace/treatment/pkeeping.htm>](http://www.Colorado.edu/conflict/peace/treatment/pkeeping.htm), Conflict Research Consortium, Colorado, 1998, hlm. 1.

sebanyak USD 368,584,324 iaitu melibatkan dua negara Namibia dan Angola.<sup>79</sup> Jika konflik ini berlarutan, sudah pasti ia akan menggunakan perbelanjaan yang lebih banyak dan masa yang lebih lama lagi untuk meredakan keadaan tersebut.

## Kesimpulan.

Tugas pengaman di Namibia bolehlah dikatakan satu misi yang paling berjaya. Kejayaan ini di perolehi kerana rakyatnya yang telah lama dahagakan kemerdekaan dan negara-negara yang mempunyai kepentingan dalam isu ini mematuhi ketetapan dan akur akan kemahuan yang dikehendaki oleh PBB. Ini membuatkan segala masalah dan perlaksanaan operasi di Namibia dapat dikendalikan dengan licin dan berkesan. Keadaan ini menepati penyataan F. Diehl, apabila beliau dalam bukunya International Peacekeeping, menyebutkan agar pasukan pengaman mestilah:<sup>80</sup>

...only be used in situations where less intrusive mechanisms (such as mediation) have failed; the often substantial opportunity cost should be carefully considered; peacekeeping operations should not be undertaken when there is only lukewarm support from one or both of the primary protagonists; and they should be directed mainly at interstate rather than civil conflict...

Masalah yang dihadapi oleh Namibia merupakan satu masalah yang tidak rumit. Ini kerana ia melibatkan tuntutan kemerdekaan dari rakyat tempatan dan dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri. Ia tidak melibatkan pertelagahan kaum yang pada

<sup>79</sup> op.cit, 37. "The Blue Helmets", hlm. 711.

<sup>80</sup> F. P. Diel, International Peacekeeping, The John Hopkins University Press, Baltimore, 1993, hlm.211.

kebiasaannya amat rumit untuk dikendalikan. Jika konflik yang mengakibat pertelahanan kaum dan peperangan saudara, ia bukan sahaja mengambil masa yang lama untuk diselesaikan malah ianya juga akan mengakibatkan kerugian harta benda yang banyak dan kemalangan jiwa yang besar.

Bagi kontinjen pasukan pengaman Malaysia, mereka mempunyai masa dan mandat yang jelas dari PBB. Masa yang cukup dalam menyiapkan sebuah kontinjen pasukan pengaman ini membolehkan mereka bersiap diri dari segi mental dan fizikal dalam melaksanakan tugas yang cemerlang. Perancangan yang rapi dan teratur dari ketua kontinjen juga telah dapat membantu melicinkan perlaksanaan tugas di medan. Kelengkapan yang cukup dan canggih yang dimiliki oleh kontinjen pasukan pengaman Malaysia, telah juga dapat membantu perlaksanaan tugas pengaman di sini berbandingan dengan kelengkapan yang dimiliki oleh kontinjen Malaya dalam penglibatan mereka di Congo yang menggunakan kelengkapan Peperangan Dunia Kedua dan dari sisa peninggalan tentera penjajah. Sebanyak 70 buah kenderaan pelbagai jenis telah dibawa ke kawasan misi dalam membantu tugas tersebut. Setiap individu dari lapisan bawahan sehingga ke peringkat atasan telah bersedia. Di samping itu juga masing-masing telah berazam untuk memperbaiki kelemahan yang telah timbul dari penugasan pengaman di Congo tempuhari. Keazaman yang tinggi inilah yang membolehkan mereka mencipta kejayaan yang amat cemerlang dalam penugasan pengaman di bawah Panji-Panji Bangsa-Bangsa Bersatu. Selain dari itu pemerintah ATM dan kerajaan Malaysia telah memandang lebih jauh terhadap penyelesaian konflik yang melibatkan pasukan

pengaman Malaysia dari berbagai sudut dan aspek. Sebagaimana yang ditekankan oleh Roland Paris dalam artikelnya yang berkata:<sup>81</sup>

...In short, the design and conduct of peacekeeping missions reflect not only the interests of key parties and the perceived lessons of previous operations, but also the prevailing norms of global culture, which legitimize certain kinds of peacekeeping policies and delegitimize others...

Pihak PBB juga telah menunjukkan komitmen yang begitu mendalam dengan sokongan oleh kuasa-kuasa besar yang tidak campur tangan dalam konflik. Kejayaan yang dicapai di Namibia ini boleh dijadikan iktibar oleh PBB dan pasukan-pasukan pengaman dalam mengembalikan keamanan di rantau yang dilanda konflik. Rumusan oleh Cedric Thornberry menepati realiti ini: *Peacekeeping, Peacemaking and Human Rights* yang berkata:<sup>82</sup>

...between UNEF –I and UNTAG in Namibia, UN peacekeeping was developing, cautiously, into new functional, as well as geographical, areas-several more operations were established... And I believe UNTAG in Namibia marked a major change in peacekeeping, as well as signalling massive change in South Africa...

---

<sup>81</sup> R Paris, Peacekeeping and the Constraints of Global Culture, University of Colorado, Boulder, USA, 2003, hlm.3.

<sup>82</sup> C.Thornberry, Syaran yang diberi di Magee College, University of Ulster, Dery, "Peacekeeping, Peacemaking and Human Rights", Internet, <http://www.incore.ulst.ac.uk/home/publication/occasional/cedric.html>, 20 Februari 1995. hlm.3. Beliau merupakan bekas Assisten Setiausaha Agung PBB dan bekas Timbalan Ketua UNPROFOR di bekas Yugoslavia.

Kejayaan kontinjen Malaysia menguruskan mandat yang diberi telah membuatkan nama Angkatan Tentera Malaysia dan Negara Malaysia dipandang tinggi oleh masyarakat antarabangsa. Ini dapat dibuktikan selepas penugasan kontinjen Pengaman Malaysia di Namibia, permintaan bagi kontinjen Malaysia untuk ditugaskan dalam misi-misi pengaman yang lain telah datang bertali arus bagi mengembalikan keamanan dunia. Ternyata pengalaman kontinjen Pengaman Malaysia telah memberi manafat yang besar kepada kontinjen Pasukan Pengaman Malaysia di Namibia. Kerumitan yang dialami oleh pasukan Pengaman Malaysia di Congo telah dapat di atasi oleh Pasukan Pengaman Malaysia dalam melaksanakan tugas pengaman di Namibia. Kunci utama yang membolehkan kejayaan pasukan Pengaman Malaysia di Namibia, adalah disebabkan ketua kontinjennya iaitu Kolonel Hidayat Shariff yang memainkan peranan besar dalam menguruskan penugasan kontinjen MALCON dan kontinjen pasukan-pasukan pengaman dari negara-negara lain.